

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 NOVEMBER 2016

Serangan Dr M, PRU-14 antara isu tumpuan

BH- 22/11/2016

→ Kerjasama dengan PAS
turut dibincang perwakilan

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

▪ Kuala Lumpur

Serangan bekas pemimpin UMNO, termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap parti, persiapan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) dan kerjasama dengan PAS adalah antara isu dijangka dibincang pada Perhimpunan Agung UMNO 2016.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata perwakilan akan membangkitkan ketidakpuasan hati mereka terhadap serangan Dr Mahathir yang sebelum ini menaungi UMNO dan meminta ahli mempertahankan parti.

Katanya, UMNO akan terus mempertahankan institusi Presiden dan tetap bersatu, berusaha

dan berkhidmat bukan hanya kepada ahli UMNO dan orang Melayu, tetapi untuk semua kaum dan rakyat di negara ini.

Dr M hancur institusi Presiden
"Institusi Presiden adalah lambang dan simbol parti yang akan terus dipertahankan dan kita sedih kerana bekas pemimpin parti sanggup menghancurkan institusi yang mereka naungi dan pertahankan selama ini.

"Saya percaya ini menjadi isu yang akan dibincangkan, selain persiapan parti untuk menghadapi PRU14," katanya dalam sesi taklimat Perhimpunan Agung UMNO 2016 kepada media di Ibu Pejabat UMNO di sini, semalam.

Yang hadir sama, Setiausaha Kerja UMNO, Datuk Ab Rauf Yusoh; Setiausaha Wanita UMNO, Datuk Rosni Sohar; Penolong Setiausaha Pemuda UMNO, Datuk Mohamad



Institusi Presiden adalah lambang dan simbol parti yang akan terus dipertahankan dan kita sedih kerana bekas pemimpin parti sanggup menghancurkan institusi yang mereka naungi dan pertahankan selama ini"

Tengku Adnan Tengku Mansor,
Setiausaha Agung UMNO

Sahfri Ab Aziz dan Penolong Setiausaha Puteri UMNO, Fahariyah Md Nordin.

Tengku Adnan berkata, kerjasama UMNO dengan parti lain, termasuk PAS juga mungkin akan dibangkitkan selain tindakan beberapa ahli parti menyokong perhimpunan Bersih 5 dan Baju Merah.

"Kita mengkaji laporan dan bukti yang ada melihat sejauh mana pembabitkan ahli kita dalam perhimpunan itu. Jika ada bukti, nama mereka kita serahkan kepada jawatankuasa disiplin parti," katanya.

Terdahulu, beliau menjelaskan Naib Presiden UMNO yang menjalankan tugas Timbalan Presiden, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi akan merasmikan Persidangan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri secara serentak pada 29 November ini.

Mohon Naib Presiden rasmi

Berbeza dengan tahun lalu, kali ini ketiga-tiga sayap memohon Naib Presiden UMNO yang menjalankan tugas Timbalan Presiden merasakan perhimpunan mereka. Tahun lalu, perhimpunan sayap dirasmikan ketua masing-masing.

Mengulas cadangan Ahmad Zahid supaya Perlembagaan UMNO dipinda bagi mewujudkan jawatan Pemangku Timbalan Presiden parti, katanya, perkara itu tidak harus disalah tafsir dan dijadikan polemik kerana cadangan itu bukan untuk kepentingan peribadi, sebaliknya melicinkan pentadbiran parti.

Katanya, cadangan itu untuk penyelesaian jangka panjang jika berlaku sebarang krisis seperti kesukaran dihadapi Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Razak dahulu yang menjalankan tugas tanpa status memangku.